



**MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 2**  
**MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 2**  
**MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 2**

Tuesday 11 May 2004 (morning)

Mardi 11 mai 2004 (matin)

Martes 11 de mayo de 2004 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. You may include in your answer a discussion of a Part 2 work of the same genre if relevant. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works, will not score high marks.

**INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Traitez un seul sujet de composition. Vous devez baser votre réponse sur au moins deux des œuvres de la 3<sup>e</sup> partie que vous avez étudiées. Le cas échéant, vous pouvez inclure dans votre réponse une discussion sur une œuvre du même genre littéraire étudiée dans la 2<sup>e</sup> partie du programme. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la 3<sup>e</sup> partie n'obtiendront pas une note élevée.

**INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta deberá basarse en al menos dos de las obras estudiadas en la Parte 3. Se podrán hacer comentarios sobre una obra de la Parte 2 del mismo género, si fuera necesario. Las respuestas que no incluyan una discusión sobre al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán notas altas.

*Tuliskan satu eseai mengenai satu daripada soalan-soalan berikut. Anda mestilah menjawab satu soalan eseai sahaja. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam bahagian 3. Anda boleh memasukkan ke dalam jawapan anda perbincangan ke atas satu karya dalam bahagian 2 dari genre yang sama sekiranya berkenaan. Jawapan yang tidak berdasarkan kepada sekurang-kurangnya dua karya dalam bahagian 3, tidak akan mendapat markah yang tinggi.*

### **Cerpen**

#### **1. Sama ada**

- (a) Krisis dan konflik dalam keluarga sering dijadikan tema cerpen-cerpen Melayu. Bandingkan pemaparan krisis dan konflik yang terdapat dalam cerpen-cerpen yang anda kaji dan nyatakan peranannya dalam menimbulkan kesan kepada keseluruhan cerita.

Atau

- (b) Sebahagian daripada cerpen-cerpen Melayu seringkali menggambarkan suasana kehidupan di bandar sebagai tidak baik. Berdasarkan cerpen-cerpen yang telah anda baca, sejauh manakah anda dapat kehidupan kota digambarkan sedemikian dan apakah kesannya terhadap pembaca.

### **Drama**

#### **2. Sama ada**

- (a) Bincangkan dan bandingkan pemaparan dua watak wanita yang menjadi teraju utama dalam drama-drama yang telah anda kaji.

Atau

- (b) Bandingkan dialog antara watak-watak utama dalam drama-drama yang anda kaji dan bincangkan kesannya perkembangan interaksi antara mereka dan bagaimana ia menyumbang ke arah keseluruhan persembahan.

**Novel**

3. Sama ada

- (a) Watak-watak utama dalam novel-novel sering kali mewakili golongan sebenar yang terdapat dalam masyarakat. Sejauh manakah pendapat ini benar berdasarkan novel-novel yang sudah anda kaji.

Atau

- (b) Terdapat gambaran-gambaran atau persoalan yang keterlaluan dalam novel Melayu. Bincangkan kenyataan ini dengan membandingkan aspek ini dalam novel-novel yang anda kaji.

**Prosa Tradisional**

4. Sama ada

- (a) Prosa tradisional seringkali memaparkan watak-watak dari kalangan jin dan dewa-dewa sebagai protagonis atau antagonis. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai bincangkan peranan watak-watak ini dan kesannya ke atas jalan cerita.

Atau

- (b) Salah satu keistimewaan prosa tradisional ialah gaya bahasanya. Bincangkan keunikan aspek ini danuraikan ciri-ciri keindahan bahasa yang terdapat pada karya-karya prosa tradisional yang telah anda kaji.

**Puisi**

5. Sama ada

- (a) Bincangkan penyampaian-penyampaian yang berbeza tentang dua jenis cinta yang sering dijadikan tema sajak-sajak Melayu. Sila berikan contoh-contoh sajak yang relevan.

Atau

- (b) Sejauhmanakah kepentingan dan keberkesanan rima, ritme dan nada dalam puisi Melayu. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan kepada beberapa puisi yang anda teliti.

**Am**

**6. Sama ada**

- (a) Unsur-unsur pengajaran seperti pentingnya bantu membantu sesama manusia, memupuk keperibadian mulia, patriotisme dan sebagainya banyak terdapat dalam karya-karya sastera. Bincangkan dan bandingkan pemaparan aspek-aspek ini seperti yang terdapat pada karya-karya yang anda kaji.

Atau

- (b) Terdapat penulis-penulis yang menggunakan fenomena alam sebagai bahan cabaran bagi menggerakkan cerita beliau. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan beberapa karya yang anda kaji.

Atau

- (c) Pertentangan nilai antara moden dan tradisi, kota dan desa, timur dan barat sering ditimbulkan oleh pengarang. Bincangkan kesan yang timbul dari satu atau lebih daripada pertentangan ini dalam karya-karya yang anda kaji.

Atau

- (d) Bandingkan pengolahan persoalan moral yang terdapat dalam dua atau lebih karya sastera Melayu yang anda kaji.